

15/10/1997

Manfaat teknologi Russia

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat mengambil kesempatan daripada teknologi baru yang diperkenalkan di Russia dan Eropah Timur jika mahu menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian sepenuhnya.

Menurut Perdana Menteri, syarikat tempatan perlu mewujudkan lebih banyak rakan kongsi dan pembekal dari rantau berkenaan untuk mengurangkan pergantungan terhadap negara maju tertentu.

Kerjasama dengan Russia tidak seharusnya dilepaskan kerana boleh membantu mengayakan teknologi tempatan, selain mewujudkan lebih banyak usahawan tekno di negara ini.

"Adalah diakui bahawa Russia adalah di antara beberapa negara di dunia yang diiktiraf memiliki status kuasa besar di bidang teknologi tinggi.

"Sehubungan itu, rakyat di negara ini perlu mengambil kesempatan ini untuk meningkatkan pengetahuan mereka mengenai teknologi terkini, bagi meningkatkan persaingan bukan saja bagi pertubuhan masing-masing, malah untuk negara," katanya dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat ketika merasmikan Pameran Antarabangsa TechXchange 97 di sini, petang ini.

Turut hadir ialah Duta Russia ke Malaysia, Vitali Vorobiev; Ketua Pegawai Operasi Telco, Datuk Dr Abdul Rahim Daud; dan Pengerusi Eksekutif Le Proton Exhibition Sdn Bhd, Datuk Radzi Manan.

TechXchange 97 adalah pameran memaparkan usaha sama perniagaan di antara Malaysia dan Russia, dan adalah yang pertama seumpamanya di rantau ini. Ia disertai 90 syarikat Russia - delegasi perniagaan terbesar dalam sejarah negara berkenaan.

Menurut Perdana Menteri, hubungan dua hala dengan Russia selaras dengan penekanan negara dalam membangunkan beberapa strategi yang wujud dalam Rancangan Malaysia setiap lima tahun, Pelan Induk Perindustrian Negara dan Wawasan 2020.

Beliau berharap pentadbiran negara bekas Soviet Union itu akan mendapati Malaysia menarik bukan saja di bidang perdagangan dan pelaburan, tetapi akan mengambil kesempatan daripada potensi pelancongan yang ada.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, pelaburan Russia di negara ini masih kecil dengan jumlah yang dilaburkan di antara 1981 sehingga Julai lalu hanyalah RM22.7 juta, meletakkannya di tempat ke-37.

Jumlah itu dianggap kecil berbanding pelaburan oleh Jepun, Taiwan dan Amerika Syarikat yang melaburkan wang sebanyak masing-masing RM28 bilion, RM21 bilion dan RM16 bilion setiap satu.

"Walaupun jumlah eksport ke Russia meningkat daripada RM97.72 juta pada 1993 kepada RM284.6 juta (1996) dan RM110.17 juta bagi tempoh Januari-Julai 1997, jumlah import turut meningkat daripada RM155.46 juta pada 1993, kepada RM667.88 juta (1996) dan RM434.68 juta (1997)," katanya.

(END)